terms appearing:	<input type="text" value="anywhere in the page"/>	Search for terms in the whole page, page title or web address, or links to the page you're looking for.
SafeSearch:	<input type="text" value="Show most relevant results"/>	Use SafeSearch whether to filter sexually explicit content.
file type:	<input type="text" value="any format"/>	Find pages in the format that you prefer.

(b) Perbandingan strategi identifikasi maklumat antara pelbagai enjin carian

Enjin Carian	Boolean Operators	Karakter lain
Google	AND (<i>default</i>) OR + (<i>to include stop words</i>) - (<i>to exclude words</i>)	<ul style="list-style-type: none"> • “....” (quotes for phrase searches) • pemangkasan • Lain-lain seperti <ol style="list-style-type: none"> i. allintitle: ii. allinurl:
Yahoo	AND (<i>default</i>) OR + (<i>to include words</i>) - (<i>to exclude words</i>)	<ul style="list-style-type: none"> • “....” (quotes for phrase searches) • pemangkasan • Lain-lain seperti t (title) dan (URL)
AllTheWeb	AND (<i>default</i>) OR + (<i>to include words</i>) - (<i>to exclude words</i>)	<ul style="list-style-type: none"> • “....” (quotes for phrase searches)

(c) Keباikan Enjin Carian

- i. Indeks melalui enjin carian Internet adalah sangat besar yang menyediakan sumber yang banyak dan pelbagai.
- ii. Pertambahan aplikasi bilangan enjin carian yang canggih membolehkan maklumat yang dicari adalah tepat.

2.3.2. Identifikasi Maklumat di Sistem Katalog Dalam Talian/ Online Public Access Catalog (OPAC)

Katalog dalam talian atau *Online Public Access Catalogue* (OPAC) adalah satu pangkalan data yang terdiri daripada maklumat bibliografi buku-buku dan bahan-bahan lain yang dimiliki oleh sesebuah perpustakaan. Katalog dalam talian boleh mencari maklumat menggunakan nama pengarang, judul, subjek, kata kunci dan frasa. Berikut merupakan contoh OPAC dari 3 jenis perpustakaan:

(a) Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)

- i. Taip alamat laman sesawang *www.pnm.gov.my* dan cari pautan Katalog Bahan Perpustakaan



- ii. Tetingkap Sistem Katalog Dalam Talian akan tertera



- iii. Pada muka depan Sistem Katalog Dalam Talian PNM, pengguna boleh terus menggunakannya dengan memasukkan tajuk atau maklumat bahan yang ingin dicari pada kotak Search dan klik butang Search. Contoh, Dinosaur.



- iv. Hasil carian akan terpapar mengikut pilihan yang telah dibuat.



- v. Hasil carian yang disenaraikan boleh diubah mengikut kesesuaian dan keselesaan pengguna



- vi. Susunan hasil carian ditukar mengikut "Tarikh Penerbitan" yang menyenaraikan bahan "Terkini ke Terdahulu".



- vii. Pengguna boleh melihat maklumat penuh termasuk status bahan dengan memilih tajuk buku yang dikehendaki.



- viii. Maklumat bahan akan terpapar dan status bahan juga boleh diketahui.



- ix. Pilihan pantas untuk bidang carian juga disediakan untuk mengecilkan skop bahan yang ingin dicari.




(b) Universiti Sains Malaysia


- i. Taip alamat laman sesawang Universiti Sains Malaysia www.lib.usm.my
- ii.



- iii.
- ii. Cari pautan OPAC




- iii. Pada Sistem Katalog Dalam Talian, memasukkan tajuk atau maklumat bahan yang ingin dicari pada kotak Search for dan klik butang Search. Contoh, DADAH
- iv.




iv. Hasil carian akan terpapar mengikut pilihan yang telah dibuat

v.



v. Untuk melihat maklumat pada bahan, klik butang tajuk yang dikehendaki

vi.



vii.

vi. Maklumat bahan termasuklah deskripsi bahan


MAKLUMAT BAHAN

Item type	Current location	Call number	Copy number	Status	Date due	Barcode	Item holds
Final Year Project	Perpustakaan Kejuruteraan Rok Podot	T7 .K4N153 2002 f.ro Kejuruteraan	800080066	Available		00003047310	


Total holds: 0

(c) Perpustakaan Awam Negeri Pulau Pinang (PANPP)

- ii. i. Carian maklumat mengenai "Tokoh" menggunakan OPAC



- iii. ii. Hasil pencarian maklumat dengan menggunakan katakunci „Tokoh“



2.3.3. Identifikasi Maklumat di Pangkalan Data

Pangkalan data dalam talian adalah sistem penyimpanan maklumat atas talian yang mengandungi maklumat bibliografi, abstrak, teks penuh, entri direktori, gambar dan statistik yang berkaitan dengan sesuatu subjek atau bidang. Sesetengah pangkalan data dilanggan untuk kemudahan pengguna.

Pangkalan Data	Penerangan
EBSCO	Mengandungi jurnal dan e-buku dalam pelbagai bidang
Emerald	Mengandungi jurnal berkaitan bidang pengurusan
NSTP E-Media	Mengandungi artikel suratkhbar

2.4. Latihan

(a) Kenalpasti tiga (3) contoh sumber rujukan.

(b) Berikan dua (2) enjin carian yang anda sering gunakan. Nyatakan bilangan hasil carian dengan menggunakan sebarang kata kunci yang anda ingin cari.

Kata Kunci	Enjin Pencarian	Bilangan Hasil Carian

Nama : _____
Skor : _____

MODUL 3:
MENILAI MAKLUMAT

PELAN MODUL 3

Tajuk	Menilai Maklumat
Objektif	<ol style="list-style-type: none">1. Meningkatkan kemahiran menilai maklumat bercetak2. Meningkatkan kemahiran menilai maklumat dari Internet
Hasil Pengajaran	Mengetahui kemahiran menilai maklumat bercetak dan maklumat dari Internet dengan baik
Perilaku/ Kemahiran	Menilai Maklumat
Isi kandungan	<ol style="list-style-type: none">1. Pengenalan2. Penilaian Maklumat Bercetak3. Penilaian Maklumat Internet4. Latihan
Pengajaran/ Alat bantu mengajar	<ol style="list-style-type: none">1. Nota Edaran2. Slaid Microsoft Power Point3. Penggunaan Komputer
Penilaian	<ol style="list-style-type: none">1. Latihan2. Maklum balas daripada kumpulan sasaran
Tempoh masa	<ol style="list-style-type: none">1. Pengajaran – 1 jam2. Latihan – 30 minit

MODUL 3: MENILAI MAKLUMAT

3.1. Pengenalan

Kemahiran menilai maklumat penting kerana tidak semua maklumat yang diperolehi boleh digunakan sebagai rujukan disebabkan oleh faktor-faktor seperti kredibiliti pengarang, sumber, kekinian dan kesahihan.

Penilaian boleh ditakrifkan sebagai membuat pertimbangan mengenai nilai, idea, kerja, penyelesaian, kaedah dan bahan untuk tujuan penyelidikan. Dalam konteks literasi maklumat, penilaian terhadap maklumat yang diperolehi penting untuk menghasilkan penyelidikan yang bermutu.

3.2. Menilai Maklumat Bercetak

Berikut adalah kriteria menilai sumber maklumat bercetak:

KRITERIA	KETERANGAN	INDIKATOR KELEMAHAN
Kerelevanan Topik	<ul style="list-style-type: none"> • Mempunyai kaitan dengan tanggungjawab dan tujuan penyelidikan. Maklumat yang tidak relevan menyebabkan proses penyelidikan tidak lancar. • Imbasan ringkas – Baca abstrak, pengenalan atau ringkasan sumber untuk dapatkan maklumat keseluruhan. • Buku – lihat pada judul, kata kunci, isi kandungan dan indeks. • Jurnal – lihat pada abstrak, kata kunci dan deskripsi • Laman web – Lihat pada <i>bar</i> judul, tajuk dokumen, pautan dan pengarang. 	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak disediakan abstrak, ringkasan, pengenalan atau isi kandungan.
Pengarang	<ul style="list-style-type: none"> • Kredibiliti pengarang yang baik boleh dilihat seperti pakar dalam sesuatu bidang. <p>Contoh: Penyelidikan yang dihasilkan oleh Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim mengenai sejarah Malaysia akan diterima</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada nama (<i>anonymity</i>) • Tiada kawalan kualiti

KRITERIA	KETERANGAN	INDIKATOR KELEMAHAN
	<p>ramai.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Rujukan – Hasil karya pengarang sentiasa dijadikan bahan rujukan oleh penyelidik lain. • Kelayakan akademik, latihan, pengalaman dan jawatan. • Reputasi pengarang di kalangan rakan sekerja. • Jumlah karya yang dihasilkan. 	
Ketepatan maklumat	<ul style="list-style-type: none"> • Maklumat yang dihasilkan adalah tepat, sahih, terkini, berfakta, terperinci dan menyeluruh. Bukti yang diperolehi mestilah memberi gambaran jelas berkaitan kajian yang dijalankan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Maklumat samar dan terlalu umum tanpa bukti sahih. • Hanya pandangan sebelah pihak sahaja.
Saksama	<ul style="list-style-type: none"> • Maklumat yang dihasilkan adalah tidak berat sebelah (<i>bias</i>), seimbang, hujah beralasan, tidak memilih dan idea dari pihak lain harus ditulis dengan tepat. • Maklumat dapat membantu pengguna menyelesaikan masalah dan membuat keputusan yang tepat. 	
Nilai semasa	<ul style="list-style-type: none"> • Kekinian maklumat yang dihasilkan penting dari segi kualiti penyelidikan. Maklumat yang lama mungkin diragui ketepatannya kerana perubahan masa banyak mengubah faktor penyebab sesuatu isu. • Ciri-ciri kekinian maklumat: <ul style="list-style-type: none"> i. Tarikh diterbitkan 	<ul style="list-style-type: none"> • Maklumat tidak dinyatakan tarikh penerbitan.

KRITERIA	KETERANGAN	INDIKATOR KELEMAHAN
	ii. Tarikh pengumpulan maklumat iii. Edisi	
Lengkap dan jelas	<ul style="list-style-type: none"> • Maklumat memberi gambaran jelas mengenai penyelidikan. • Maklumat sentiasa konsisten 	
Kaedah penerbitan	Maklumat diterbitkan dalam bentuk berikut: <ul style="list-style-type: none"> • Bahan ilmiah atau popular • Jurnal – mesti mempunyai editor atau kumpulan editor dan ada ulasan rakan sekerja 	
Sumber maklumat	Maklumat dihasilkan daripada sumber berikut: <ul style="list-style-type: none"> • Primer (Maklumat primer adalah maklumat paling baik) • Sekunder • Tertiar 	

3.3. Menilai Maklumat Internet

Internet menawarkan banyak maklumat dan data dari seluruh dunia. Kebanyakan sumber adalah "tanpa nama" dan sesiapa saja bebas menulis tanpa sekatan. Berikut adalah kriteria menilai sumber maklumat daripada Internet:

Butiran	Penerangan
Ketepatan dokumen web	<ul style="list-style-type: none"> • Pastikan pengarang meletakkan maklumat perhubungan seperti alamat, nombor telefon atau emel. • Boleh membezakan antara <i>webmaster</i> dan penulis.

Butiran	Penerangan
Penanggungjawab (Authority)	<ul style="list-style-type: none">• Kelayakan pengarang disenaraikan• Lihat di mana dokumen diterbitkan dengan melihat pada <i>URL Domain</i>. Contoh : gov dan edu.• Pastikan bukan laman web peribadi.
Objektiviti laman web	<ul style="list-style-type: none">• Menentukan apakah halaman digunakan untuk iklan, jika demikian maklumat boleh berat sebelah (<i>bias</i>).
Kekinian laman web	<ul style="list-style-type: none">• Pastikan tarikh dokumen dihasilkan• Pastikan tarikh dokumen dikemaskinikan• Pastikan semua pautan sentiasa dikemaskinikan, masih sah dan berfungsi.• Pastikan semua grafik dimasukkan ke dalam dokumen.
Liputan	<ul style="list-style-type: none">• Pastikan maklumat berbayar atau percuma.• Pastikan ada pilihan format bahan untuk melihat dokumen.

3.4. Latihan

- (a) Nyatakan satu topik pilihan anda. Berikan contoh bahan mengikut kategori bahan yang disenaraikan di bawah. Senaraikan kriteria yang anda gunakan untuk membuat penilaian.

Topik		
Kategori Bahan	Contoh Bahan	Kriteria Penilaian
(i) Buku/ e-Buku		
(ii) Surat khabar/ e-Surat khabar		
(iii) Jurnal Artikel/ e-Jurnal		
(iv) Portal kerajaan		

Nama : _____
Skor : _____

MODUL 4:
MENGORGANISASIKAN MAKLUMAT

PELAN MODUL 4

Tajuk	Mengorganisasikan Maklumat
Objektif	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengenalpasti kaedah pengurusan maklumat 2. Membantu memudahkan penyimpanan maklumat yang telah digunakan atau diperolehi 3. Membantu mengumpul maklumat yang telah digunakan atau diperolehi
Hasil Pengajaran	Mengetahui kaedah pengurusan maklumat iaitu penyimpanan dan mengumpul maklumat yang telah digunakan atau diperolehi
Perilaku/ Kemahiran	Mengorganisasikan Maklumat
Isi kandungan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pengenalan 2. Kaedah Pengurusan Maklumat 3. Latihan
Pengajaran/ Alat bantu mengajar	<ol style="list-style-type: none"> 1. Nota Edaran 2. Slaid Microsoft Power Point 3. Penggunaan Komputer
Penilaian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Latihan 2. Maklum balas daripada kumpulan sasaran
Tempoh masa	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pengajaran – 30 minit 2. Latihan – 30 minit

MODUL 4: MENGORGANISASIKAN MAKLUMAT

4.1. Pengenalan

Apabila anda ingin membeli beg sekolah di pasaraya, sudah pasti arah tuju anda adalah ke sudut alat tulis. Anda dapat lihat semua barangan dalam pasaraya disusun mengikut jenis dan kategori untuk memudahkan pencarian oleh pengguna. Begitu juga dalam proses pengurusan maklumat yang diperolehi, mestilah disusun / dikategorikan mengikut pengkhususan.

Pengurusan maklumat bertujuan agar pencarian semula maklumat yang dikehendaki dapat dibuat dengan lebih cepat dan mudah. Dapatan maklumat yang terdiri daripada pelbagai sumber menyebabkan pengurusan maklumat penting untuk dilakukan.

Kepentingan dalam mengurus maklumat adalah seiring dengan peranan organisasi yang dipertanggungjawabkan di dalam pengurusan maklumat sebagaimana peranan yang dimainkan oleh perpustakaan, arkib dan muzium.

4.2. Kaedah Mengorganisasikan Maklumat

Terdapat dua (2) kaedah yang boleh digunakan untuk mengurus maklumat iaitu:

4.2.1. Menyimpan maklumat yang diperolehi

- (a) Menyimpan terus maklumat yang diperolehi ke dalam *pendrive* atau lain-lain format simpanan;
- (b) Membuat simpanan dalam bentuk cetakan termasuklah fotokopi dan imbasan;
- (c) Sekiranya maklumat tersebut diperolehi secara dalam talian (*online*), penyimpanan maklumat boleh dilakukan dengan cara membuat tanda buku (*bookmark*) seperti berikut:

(i) Mozilla Firefox

1 . Klik
"Bookmarks"




2. Klik
"Done"

(ii) Internet Explorer



(iii) Google Chrome



4.2.2. Mengumpulkan maklumat dari pelbagai sumber

- Penyimpanan maklumat melalui kaedah mengumpul dan mepakejkan membolehkan semua bahan berkaitan yang telah diperolehi dijilid.
- Bahan yang dijilid perlu mempunyai elemen sokongan seperti muka surat depan, muka surat judul, senarai kandungan, rujukan selain kandungan maklumat bagi bahan itu sendiri.

4.3. Latihan

- (a) Sila simpan maklumat berkaitan sesuatu perkara yang anda minati menggunakan menu:
- (i) Favorites – Internet Explorer
 - (ii) Bookmarks – Mozilla Firefox

Nama : _____

Skor : _____

MODUL 5:
ETIKA PENGGUNAAN MAKLUMAT

PELAN MODUL 5

Tajuk	Etika Penggunaan Maklumat
Objektif	Mengenalpasti etika penggunaan maklumat
Hasil Pengajaran	Mendapat pendedahan mengenai etika penggunaan maklumat secara menyeluruh
Perilaku/ Kemahiran	Etika Penggunaan Maklumat
Isi kandungan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pengenalan 2. Akta Hakcipta (Pindaan) Akta A1139 2002 3. Plagiat 4. Petikan/Sedutan (<i>Citation</i>) 5. Maklumat Peribadi 6. Penggunaan Bahasa 7. Latihan
Pengajaran/ Alat bantu mengajar	<ol style="list-style-type: none"> 1. Nota Edaran 2. Slaid Microsoft Power Point 3. Penggunaan Komputer
Penilaian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Latihan 2. Maklum balas daripada kumpulan sasaran
Tempoh masa	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pengajaran – 1 jam 2. Latihan – 30 minit

MODUL 5: ETIKA PENGGUNAAN MAKLUMAT

5.1. Pengenalan

Di dalam sesuatu penyelidikan terdapat etika dan peraturan yang perlu dipatuhi untuk memastikan hasil penyelidikan tersebut tidak menyinggung mana-mana pihak dan memberi maklumat yang sahih dan tepat. Beberapa perkara perlu diberi perhatian seperti Akta Hakcipta, Plagiat, Petikan/Sedutan (*Citation*), Maklumat Peribadi, dan Penggunaan Bahasa.

5.2. Akta Hakcipta (Pindaan) Akta A1139 2002

Harta Intelek adalah hak eksklusif yang diberikan oleh undang-undang untuk tempoh masa tertentu kepada pencipta karya untuk mengawal penggunaan karya mereka. Perlindungan hakcipta di Malaysia adalah berasaskan kepada Akta Hakcipta 1987. Malaysia tidak mempunyai sistem pendaftaran hakcipta. Sesuatu karya adalah dilindungi secara automatik sebaik sahaja ia memenuhi syarat-syarat seperti usaha yang mencukupi telah dilakukan untuk menjadikan karya itu bersifat asli, karya tersebut telah ditulis, direkod atau dijadikan dalam bentuk bahan, penciptanya adalah orang yang berkelayakan dan karya tersebut telah dibuat di Malaysia atau penerbitan pertama karya adalah di Malaysia.

5.2.1. Karya Yang Layak Mendapat Perlindungan Harta Intelek

Karya-karya yang layak mendapat perlindungan Harta Intelek ialah :

- (a) Karya sastera
- (b) Karya muzik
- (c) Karya seni
- (d) Filem
- (e) Rakaman bunyi
- (f) Siaran
- (g) Karya terbitan

Karya-karya di atas adalah dilindungi tanpa mengira kualiti dan tujuan karya-karya itu dihasilkan. Walaupun begitu peruntukan berkenaan keaslian mestilah ditepati.

5.2.2. Jangkamasa Hak Pelaku

Perlindungan diberikan selama 50 tahun dari tarikh persembahan.

5.2.3. Kebenaran Membuat Salinan

- (a) Penyelidikan
- (b) Persendirian dan peribadi
- (c) Pembelajaran

5.3. Plagiat

Menyalin perkataan demi perkataan atau mengubah walau hanya beberapa perkataan tanpa memberi penghargaan atau mengambil dan mengakui karya orang lain. Cara mengelak plagiat adalah seperti berikut:

- 5.3.1. Guna idea sendiri
- 5.3.2. Guna idea orang lain secara berhemah – untuk menyokong penyelidikan
- 5.3.3. Membuat petikan (*citation*)
- 5.3.4. *Quotation mark* digunakan apabila mengambil pendapat oranglain.Membuat deraf penulisan penyelidikan terlebih dahulu untuk semakan penyelia/rakan sekerja/editor

5.4. Petikan/Sedutan (*Citation*)

Petikan atau maklumat rujukan mengandungi butiran seperti nama penulis, lokasi maklumat dan tarikh maklumat dihasilkan. Contoh gaya penulisan petikan adalah seperti *Author-date system* iaitu gaya APA (American Psychology Association), MLA (Modern Language Association) dan Harvard serta *Documentary-note/Humanities style* yang dikenali sebagai nota kaki seperti Chicago A dan Turabian.

5.4.1. Kepentingan membuat petikan

Terdapat beberapa kepentingan membuat petikan iaitu:

- (a) Menyediakan bukti penyelidikan
- (b) Membuktikan penyelidikan membuat banyak rujukan
- (c) Memberi kelebihan kepada hujah penyelidik dengan menggunakan sumber-sumber yang tepat dan berwibawa
- (d) Penyusunan sumber maklumat yang baik.
- (e) Membolehkan sumber maklumat dapat dirujuk semula

5.5. Maklumat Peribadi

Adalah penting untuk melindungi maklumat peribadi orang lain. Jangan mendedahkan maklumat peribadi berikut tanpa kebenaran seperti maklumat peribadi yang sulit dan maklumat yang diberikan secara rahsia oleh orang tertentu.

5.6. Penggunaan Bahasa

Etika penggunaan bahasa juga penting. Bahasa akademik ialah berbentuk menarik, berfikiran terbuka tetapi logik, boleh dipercayai (penghargaan kepada sumber), menggunakan bahasa standard dan tatabahasa yang betul dan elakkan penggunaan bahasa pasar seperti bahasa SMS dan singkatan.

5.6.1. Stereotaip dan penghinaan

Stereotaip dan penghinaan bermaksud seperti berikut:

- (a) Stereotaip adalah sebuah perwakilan umum, kaku dan sering merendahkan dari seorang individu atau kumpulan. Stereotaip sering mengakibatkan diskriminasi dan tidak perlu menyebut atau menyinggung, bangsa, gender seseorang atau orientasi seksual.
- (b) Istilah menghina dan merendahkan orang dari kumpulan tertentu harus dielakkan.

5.7. Latihan

Cari artikel penyelidikan dengan menggunakan sebarang enjin carian dan kata kunci yang disediakan. Berdasarkan artikel penyelidikan berkenaan, kenalpasti sebarang etika yang telah dipatuhi oleh penulis. Jika penulis tidak mematuhi etika penggunaan maklumat, cadangkan perkara yang perlu diberi perhatian oleh penulis.

Enjin carian	
Kata kunci	
Etika	

Nama : _____
Skor : _____

MODUL 6:
ASIMILASI PERKONGSIAN ILMU

PELAN MODUL 6

Tajuk	Penyebaran Maklumat
Objektif	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengenalpasti medium yang boleh digunakan untuk menyebarkan maklumat 2. Menyebarkan maklumat dengan cara yang betul 3. Memahami kepentingan menyebarkan maklumat
Hasil Pengajaran	Mengetahui kepentingan menyebarkan maklumat melalui medium tertentu dengan cara yang betul
Perilaku/ Kemahiran	Penyebaran Maklumat
Isi kandungan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pengenalan 2. Bercetak 3. Tidak bercetak 4. Internet 5. Latihan
Pengajaran/ Alat bantu mengajar	<ol style="list-style-type: none"> 1. Nota Edaran 2. Slaid Microsoft Power Point 3. Penggunaan Komputer
Penilaian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Latihan 2. Maklum balas daripada kumpulan sasaran
Tempoh masa	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pengajaran – 30 minit 2. Latihan – 1 jam

MODUL 6: ASIMILASI PERKONGSIAN MAKLUMAT

6.1. Pengenalan

Penyebaran maklumat merupakan salah satu perkara terpenting yang perlu diambil kira untuk memastikan maklumat yang berguna dapat disebarkan kepada orang lain supaya ianya dapat digunakan dengan optimum. Terdapat beberapa medium penyebaran maklumat iaitu melalui secara bercetak, tidak bercetak dan melalui internet.

6.2. Bercetak

Maklumat boleh disebarkan dalam pelbagai bentuk dan format bercetak.

6.2.1. Penyebaran secara bercetak

(a) Tesis/ Disertasi

Tesis/Disertasi adalah sebuah penulisan Ilmiah hasil penyelidikan terutama oleh calon ijazah lanjutan dalam memenuhi sebahagian keperluan pengajian di universiti.

(b) Laporan

Laporan ialah rekod berasingan yang diterbitkan hasil penyelidikan atau penemuan teknikal semasa penyelidikan.

(c) Artikel dalam jurnal/majalah

Karangan bukan fiksi mengenai topik/skop perkara tertentu yang ditulis oleh satu atau lebih pengarang dan diterbitkan di bawah tajuk yang berasingan. Artikel diterbitkan dalam jurnal atau majalah berkala yang mengandungi karya lain dalam bentuk yang sama. Secara amnya, panjang artikel majalah adalah kurang daripada lima mukasurat, manakala artikel dalam jurnal adalah lebih daripada lima mukasurat. Selain itu, artikel dalam jurnal mengandungi abstrak ringkas mengenai kandungan penulisan.

(d) Buku

Satu set helaian kertas yang ditulis atau dicetak serta dijilid dan disertakan kulit luar untuk membentuk sebuah buku. Halaman buku adalah secara berterusan.

(e) Pempakejan

Pempakejan maklumat boleh dihasilkan dalam bentuk folio atau buku skrap. Kandungannya merangkumi tajuk atau perkara tertentu. Maklumat yang terkandung adalah seperti keratan surat khabar, spesimen, penulisan daripada pelbagai sumber, gambar dan lain-lain.

6.3. Tidak bercetak

Maklumat boleh disebarkan dalam pelbagai bentuk dan format tidak bercetak.

6.3.1. Penyebaran secara tidak bercetak

- (a) Cakera optik (optical disc) seperti CD (Compact Disc), CD-ROM (Compact Disc-Read Only Memory) dan DVD (Digital Video Discs)
- (b) Seminar, forum, program di radio dan television, rakaman audio dan video

6.4. Internet

Kewujudan kemudahan komunikasi teknologi maklumat seperti internet menyebabkan maklumat dapat disebarkan luas dengan berkesan dan cepat. Berikut merupakan medium penyebaran maklumat melalui internet yang digunakan kini:

6.4.1. Inisiatif Digital

ia merupakan pangkalan data yang mempunyai kandungan maklumat dalam pelbagai topik atau bidang perkara. ia dibina bertujuan untuk memudahkan pengaksesan secara dalam talian oleh pengguna.

6.4.2. Media Baru

(a) Blog

Blog adalah ringkasan bagi weblog. Blog adalah jurnal dalam talian yang digunakan untuk menyatakan pendapat peribadi, atau penulisan mengenai sesuatu perkara dan sentiasa dikemaskini. Konsep blog adalah sama seperti buku diari harian. Perbezaan antara blog dengan laman web ilmiah adalah, setiap kali dikemaskini atau memasukkan artikel atau penulisan terbaru, yang terkini akan berada di atas dan yang lepas akan berada di bawah (*reverse chronological order*).

(b) Facebook

Facebook merupakan salah satu website sosial membolehkan kita membentuk komuniti dan mengundang kawan-kawan untuk menyertainya. Dengan komuniti yang kita bentuk, kita dapat mengikuti perkembangan semasa kawan-kawan, berkongsi gambar, berkongsi video dan sebagainya.

(c) Twitter

Twitter merupakan salah satu media sosial yang memberi ruang untuk kita mencari kawan, mempromosikan perniagaan, menyampaikan dan mendengar pendapat dan pelbagai lagi. Twitter juga adalah *microblogging* iaitu bertindak seperti blog. Tapi twitter mengandungi post yang simple dan ringkas

(d) Instagram

Instagram merupakan salah satu laman sosial yang memberi ruang untuk perkongsian gambar dan juga mempromosikan perniagaan dikalangan kawan didalam Instagram.

6.5. Latihan

(a) Berikan dua contoh media baru yang anda tahu. Senaraikan ciri-ciri media baru berkenaan.

Media baru	
Ciri-ciri	

(b) Maklumat boleh disebarkan dalam pelbagai bentuk dan format bercetak. Nyatakan dua (2) cara yang anda tahu dan mengapa anda memilihnya.

Nama : _____
Skor : _____

RUJUKAN

Buku

Irma Indayu Omar. Panduan Mencari Maklumat. PTS Professional, 2005.

Mazmin Mat Akhir. Pengurusan dan Penawaran Sumber Maklumat Elektronik. Universiti Malaysia Perlis, 2010.

Pusat Sumber Pendidikan Negeri Pualu Pinang. Panduan Pengurusan Pelaksanaan Literasi Maklumat Sekolah-Sekolah Negeri Pulau Pinang. Pusat Sumber Pendidikan Negeri, 2006.

Internet

Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri. Literasi Maklumat. Selangor: Bahagian Teknologi Pendidikan negeri. <http://btpn.moe.edu.my/btpnpp/epusatsumber/literasimaklumat/literasimaklumat.pdf>. Dicapai pada 14 November 2011.

Lau, Jesus. Garis Panduan Mengenai Literasi Maklumat untuk Pembelajaran Sepanjang Hayat. <http://www.ifla.org/VII/s42/index.htm#Publications>. Dicapai pada 14 November 2011.

National Information Forum on Information Literacy. <http://www.infolit.org>. Dicapai pada 4 November 2011.

Universiti Teknologi Mara. Fakulti Pengajian Maklumat. Garis Panduan Perpustakaan Sekolah IFLA/UNESCO. <http://archive.ifla.org/VII/s11/pubs/sguide02-my.pdf>. Dicapai pada 14 November 2011.

Wilson, Carolyn. Media and Information Literacy Curriculum For Teacher. <http://www.unesco.org/new/fileadmin/MULTIMEDIA/HQ/CI/pdf/wmn/curriculum%20teachers.pdf>. Dicapai pada 14 November 2011.

Yazid Ibrahim & Zuliana Ab. Rashid. Making This World a Better Place Through Information Literacy In4skill Campaign for Rural Communities. 84th IFLA World Library and Information Congress, 24-30 August 2018. Dicapai pada 9 Disember 2019.

Yazid Ibrahim & Chin Loy Joon. Information Literacy for Sustainable Advancement: Malaysian Experience. 16th Congress of Southeast Asian Librarians, 11-13 June 2015. Dicapai pada 9 Disember 2019.

Katrun Nada Haji Hashim. Program Literasi Maklumat dan Media PNM: kearah Melestarikan Pembelajaran Sepanjang Hayat. Seminar Kepustakawan, 3-4 November 2015. Dicapai pada 9 Disember 2019.

Harleeza, yazid Ibrahim, Nor Shamsinar Baharom. Media and Information Literacy: Malaysian Experience. Seminar on Information Literacy and Media: Catalyst for life Long Learning, 29 Mac 2013. Dicapai pada 9 Disember 2019.

Temubual

Sharif Mohd Saad, Dr. (Temu bual, 22 - 24 November 2011) memaklumkan mengenai Literasi Maklumat.